

Generasi muda perlu jadi pengguna teknologi matang

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI

utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 11 Okt. - Generasi muda negara ini diingatkan supaya menggunakan teknologi dan kemudahan internet serta laman sosial secara matang dan penuh sikap tanggungjawab bagi memastikan perpaduan yang dinikmati kekal terpelihara.

Pro-Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkata, kebebasan tanpa sempadan di alam siber dikhawatiri boleh mewujudkan sifat buruk yang sekali gus boleh meruntuhkan kestabilan yang wujud.

"Kebebasan bersuara berkaitan isu sensitif yang menyentuh perihal agama, institusi raja, adat sesuatu kaum, warisan serta undang-undang negara semakin dilihat kini.

"Jika perbuatan tidak bertanggungjawab ini tidak dibendung, dibimbangi sikap buruk itu akan meruntuhkan dan merosakkan asas kepada perpaduan yang dinikmati rakyat berbilang kaum di negara



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM BERKENAN MENYAMPAIKAN WATIKAH PEMASYHURAN PRO-CANSELOR KEPADA ALI HAMSA SEWAKTU KONVOKESYEN KE-14 UTHM DI DEWAN SULTAN IBRAHIM, PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR, SEMALAM.

ini," katanya pada Majlis Konvokesyen ke-14 UTHM, yang diadakan di sini, hari ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dimasyhurkan seba-

gai Pro-Canselor UTHM pada majlis tersebut menjadikan universiti tersebut memiliki dua Pro-Cancellor selain Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang dimasy-



TIGA PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG PADA KONVOKESYEN KE-14 UTHM (DARI KIRI) WONG CHEE FEI, MOHD. HANIF MOHAMED DAN AZLAN AHMAD BERSAMA PINGAT DAN PLAK YANG DITERIMA MEREKA DI BATU PAHAT, JOHOR, SEMALAM.

hur pada tahun 2010.

Pelantikan Ali adalah atas perkenan Canselor UTHM, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan watikah pelantikan Pro-Canselor diserahkan

oleh Tunku Ismail.

Dalam majlis sama, UTHM turut menganugerahkan tiga penerima dengan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah iaitu Presiden Nagaoka Univer-

sity of Technology, Dr. Koichi Niihara (Kejuruteraan Mekanikal); profesor dari University of Bremen, Jerman, Dr. Georg Spottl (Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan bekas jaguh badminton negara, Datuk Misbun Sidek (Pembangunan Insan).

Konvokesyen UTHM kali ini menyaksikan seramai 3,477 siswazah menerima sijil masing-masing melibatkan penerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

Menurut Tunku Ismail lagi, kematanngan generasi muda harus dipupuk dalam pelbagai aspek berkaitan kehidupan kepelbagaian kaum, bangsa, agama dan budaya yang membentuk masyarakat hari ini.

"Sikap positif seperti toleransi, hormat-menghormati, menjauhi sifat prejudis serta tidak menyentuh sensitiviti kaum perlu terus disuburkan di kalangan generasi muda.

"Sekiranya perpaduan sedia ada tidak dijaga, kestabilan negara akan terjejas secara langsung akibat dari pada perpecahan dan persengkeatan sesama rakyat," ujarnya.